



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1989

DR.34/1989

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1989.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 17 dengan yang berikut:

Pindaan seksyen 17. Akta 110.

"Tatatertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat.

17. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Tatatertib Lembaga yang hendaklah terdiri daripada dua orang ahli yang akan dipilih oleh atau daripada ahli-ahli Lembaga, yang seorang daripada mereka hendaklah dipilih menjadi pengerusi, dan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 5 (1).

(2) Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan tiap-tiap pegawai dan penjawat Lembaga, selain daripada Ketua Pengarah, ialah Jawatankuasa Tatatertib Lembaga yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Jawatankuasa Tatatertib berkenaan dengan Ketua Pengarah hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian sebagai pengerusi dan dua orang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli-ahli Lembaga.

(4) Ketua Pengarah tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Tatatertib dalam apa-apa prosiding di hadapan Jawatankuasa itu yang di dalamnya dia menjadi pengadu; tempatnya hendaklah diambil oleh seorang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli-ahli Lembaga.

(5) Pada menjalankan tugas-tugas tata-tertibnya, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang boleh dibuat di bawah seksyen 18.

(6) Jawatankuasa Tatatertib boleh, tertakluk kepada subseksyen (7), mewakili mana-mana tugas, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana jawatankuasa pegawai atau penjawat Lembaga, berkenaan dengan mana-mana pegawai atau penjawat tertentu Lembaga atau berkenaan dengan mana-mana golongan atau kategori pegawai atau penjawat Lembaga, dan jawatankuasa yang diwakilkan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan sedemikian hendaklah melaksanakan, menjalankan atau menunaikannya di bawah arahan dan kawalan Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengulang kaji, menghapuskan atau mengubah apa-apa keputusan atau dapatan jawatankuasa sedemikian.

(7) Tiada perwakilan boleh dibuat di bawah subseksyen (6) untuk membolehkan seseorang pegawai atau penjawat Lembaga menjadi ahli sesuatu jawatankuasa yang boleh menjalankan apa-apa kuasa tatatertib ke atas pegawai atau penjawat yang berpangkat lebih tinggi daripada dia.

(8) Mana-mana pegawai atau penjawat Lembaga yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib atau mana-mana jawatankuasa yang diwakilkan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan di bawah subseksyen (6) boleh, dalam masa empat belas hari, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Lembaga yang boleh sesudah itu mengesahkan, mengakaskan atau memberi apa-apa arahan mengenai perkara itu sebagaimana yang difikirkannya patut dan wajar.

(9) Keputusan Lembaga mengenai rayuan itu adalah muktamad.”.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 24, seksyen baru 24A yang berikut : Seksyen baru 24A.

“Surcaj. 24A. (1) Jika ternyata kepada Lembaga bahawa mana-mana orang yang sedang atau telah bekerja dengan Lembaga—

- (a) telah gagal mengutip apa-apa wang yang terhutang pada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa pembayaran wang daripada Kumpulan Wang yang tidak sepatutnya dibuat atau atas apa-apa pembayaran wang yang tidak disahkan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, atas apa-apa kekurangan pada, atau atas pemusnahan, apa-apa wang, setem, sekuriti, storan atau harta lain Lembaga;
- (d) sebagai, atau yang pernah menjadi sebagai, pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya;

- (e) telah gagal membuat apa-apa bayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa kelambatan dalam pembayaran, wang daripada Kumpulan Wang kepada mana-mana orang yang kepadanya bayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat di antara orang itu dengan Lembaga,

Lembaga hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcajkan, dan jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diberikan, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis yang disebutkan terdahulu, kepada Lembaga berkenaan dengan kegagalan mengutip, bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, pembayaran yang tidak disahkan dengan sewajarnya, kekurangan atau pemusnahan, atau kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat bayaran, atau kelambatan dalam membuat bayaran, maka Lembaga boleh mensurcajkan sejumlah wang terhadap orang tersebut yang tidak melebihi amaun apa-apa amaun sedemikian yang tidak dikutip, apa-apa bayaran, kekurangan, atau kerugian atau nilai harta yang musnah, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan berkenaan dengan kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat bayaran, atau kelambatan dalam membuat bayaran, Lembaga boleh mensurcajkan apa-apa jumlah wang terhadap orang tersebut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga itu.

(2) Pengerusi hendaklah menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan Ketua Pengarah hendaklah sesudah itu memberitahu orang yang disurcajkan itu.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya

bahawa tiada surcay patut dibuat, dan penges-
rusi hendaklah dengan segera menyebabkan
Ketua Pengarah diberitahu tentang penarikan
balik itu.

(4) Amaun apa-apa surcay yang dibuat di
bawah subseksyen (1) dan tidak ditarik balik
di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi
hutang yang kena dibayar kepada Lembaga
daripada orang yang terhadapnya surcay itu
dibuat dan boleh didakwa dan didapatkan
kembali dalam mana-mana mahkamah atas
guaman Lembaga dan boleh juga didapatkan
kembali melalui potongan—

(a) daripada gaji orang yang disurcayakan
jika Lembaga mengarahkan sedemikian;
atau

(b) daripada pencen orang yang disurcayakan
jika Lembaga mengarahkan sedemikian,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak
tidak melebihi satu perempat daripada jumlah
gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-
mana yang berkenaan, orang itu.”.

4. Jadual Kedua kepada Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
Jadual
Kedua.

(a) dengan memotong perkataan “dan” di hujung
subperenggan (h) perenggan 1;

(b) dengan menggantikan noktah di hujung sub-
perenggan (i) dengan koma bertitik dan
memasukkan selepasnya itu perkataan “dan”;

(c) dengan memasukkan, selepas sahaja sub-
perenggan (i), subperenggan baru (j), (k), (l) dan
(m) yang berikut :

“(j) mengawalselia tatatertib ke atas pegawai-
pegawai dan penjawat-penjawat Lem-
baga;

(k) peruntukan-peruntukan mengenai tahan-
an kerja dengan pengurangan gaji atau
apa-apa saraan lain, atau peruntukan-
peruntukan mengenai penggantungan
kerja tanpa gaji atau saraan lain,
seseorang pegawai atau penjawat Lem-
baga sementara menanti prosiding
tatatertib selesai;

- (l) mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan mengadakan peruntukan mengenai apa-apa hukuman tata tertib sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat; dan
- (m) menetapkan prosedur bagi prosiding tata tertib yang hendaklah memberi peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tata tertib diambil untuk membuat representasi sebelum keputusan dicapai oleh pihak berkuasa tata tertib atas pertuduhan tata tertib yang dibuat terhadap orang itu.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan tata tertib, dan pengenaan surcaj ke atas, pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. *Fasal 2* menubuhkan suatu Jawatankuasa Tata tertib, menetapkan keanggotaannya dan menerangkan bidang kuasa serta kuasa-kuasanya, termasuk kuasa untuk mewakili tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajibannya. Keputusan-keputusan Jawatankuasa Tata tertib boleh dirayukan kepada Lembaga.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda Akta dengan memasukkan seksyen baru 24A untuk memberi kuasa kepada Lembaga mengenakan surcaj ke atas mana-mana pegawai atau penjawat Lembaga yang lalu atau yang sekarang berkenaan dengan apa-apa bayaran tak patut, kekurangan atau pemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, kegagalan membuat atau kelambatan dalam membuat bayaran, sekiranya tiada penjelasan yang memuaskan hati telah diberikan bagi tindakan sedemikian. Amaun surcaj sedemikian hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga dan boleh didapati kembali atas guaman Lembaga atau melalui potongan daripada gaji atau pencen orang yang disurcajkan itu, jika Lembaga mengarahkan sedemikian.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda Jadual Kedua untuk membolehkan Lembaga membuat peraturan-peraturan mengenai tata tertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat dan tahanan kerja pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat itu sementara menanti prosiding tata tertib selesai. Peraturan-peraturan tata tertib itu boleh juga mewujudkan kesalahan-kesalahan tata tertib dan mengadakan hukuman-hukuman tata tertib. Pindaan yang dicadangkan itu juga membolehkan Lembaga menetapkan prosedur mengenai prosiding tata tertib yang hendaklah memberi peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding itu diambil untuk membuat representasi.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1469.]

